

## Arkeopelancongan Di Lembah Bujang: Isu, Dilema Dan Cabaran

Farhana Abdullah, Adnan Jusoh, Nasir Nayan & Zuliskandar Ramli

### Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan senario arkeopelancongan di Lembah Bujang dari segi isu, dilema dan cabaran semasa yang di hadapi. Kajian ini melibatkan responden sebanyak 150 orang yang terdiri daripada pelancong tempatan dengan menggunakan kaedah soal selidik melalui borang soal selidik sebagai instrument kajian. Oleh itu, bagi kajian ini pendekatan secara kuantitatif digunakan. Persoalan ini timbul apabila kebanyakan tapak arkeologi yang berada di sekitar Lembah Bujang tidak dapat dibangunkan sebagai kawasan arkeopelancongan negara sekaligus menjadikan Lembah Bujang sebagai kawasan hanya untuk lawatan singkat rakyat tempatan sahaja. Keadaan ini haruslah dipulihara dengan melibatkan kerja-kerja seperti pengekalan, pengembalian semula, pemuliharaan dan penjagaan ke atas tapak arkeologi di Lembah Bujang. Hal ini bertujuan untuk memastikan tapak warisan arkeologi Lembah Bujang dipulihara dan bebas daripada kerosakan jangka panjang. Tapak warisan yang terdiri daripada bangunan candi di sekitar Lembah Bujang melebihi ratusan tahun merupakan sesuatu yang unik dan harus dibanggakan kerana di sutilah tercetusnya nilai sejarah sesuatu tamadun bangsa. Oleh itu, beberapa cadangan akan dibincangkan secara ringkas mengenai strategi yang di dikemukakan untuk menjadikan Lembah Bujang sebagai produk arkeopelancongan negara.

---

**Kata kunci:** Arkeopelancongan; Lembah Bujang; cabaran; pemuliharaan; tapak-tapak arkeologi.

### Abstract

*This paper discusses the archaeotourism scenario in Bujang Valley in terms of issues, dilemmas and current challenges. This study involved 150 respondents from local tourists using survey method through questionnaire as the instrument of study. Therefore, for this study a quantitative approach is used. This question arises when most archaeological sites in the vicinity of the Bujang Valley cannot be developed as a national archaeological site as well as making the Bujang Valley a mere area for short-term local residents only. This must be taken into account by involving works such as retention, reinstatement, conservation and care on archaeological sites in the Bujang Valley. This is to ensure that Bujang Valley archaeological heritage sites are conserved and free from long-term damage. A heritage site comprising temples around the Bujang Valley exceeding hundreds of years is unique and should be proud because that is where the historical value of a nation's civilization is. Hence, several proposals will be discussed briefly on the strategies proposed to make Bujang Valley a national archaeological product.*

---

**Keywords:** Archaeotourism; Bujang Valley; challenges; conservation; archaeological sites

## Pengenalan

Kawasan Lembah Bujang Kedah merupakan kawasan peninggalan sejarah yang kaya dengan tinggalan sejarah dan telah dikaji semenjak 150 tahun lepas. Sejarah kegemilangan kerajaan Kedah Tua (Kataha) bermula sejak awal abad Masihi lagi dan pada abad ke-5 Masihi kerajaan Melayu Lembah Bujang telah diasaskan dan berpusat di Sungai Mas. Selain berfungsi sebagai pelabuhan entreport dan pusat kerajaan Melayu yang terawal pada ketika itu (Nik Hassan Shuhaimi 2009). Artifak dan hasil penemuan ahli-ahli arkeologi mengesahkan bahawa satu tamadun yang hebat telah wujud di kawasan ini. Walau bagaimanapun, kesan peninggalan sejarah ini tidak dihayati sepenuhnya dan dikhuatiri akan hilang ditelan arus pemodenan. Satu rangka strategi haruslah diwujudkan untuk membolehkan semua pihak mendapat keuntungan dan pada masa yang sama memulihara kawasan Lembah Bujang yang kaya dengan nilai sejarah dan alam semula jadinya untuk tatapan generasi akan datang.

### Lembah Bujang sepintas lalu

Kawasan Lembah Bujang terletak dalam daerah Kuala Muda di bahagian barat Negeri Kedah dan disempadani oleh Daerah Yan, Kota Setar, Baling dan Pendang. Dari segi lokasi, kedudukannya yang strategik dan tidak jauh dari pintu masuk utama bagi Wilayah Utara iaitu Pulau Pinang memberikan kawasan ini satu kelebihan untuk menarik para pelancong dari luar negara singgah ke Lembah Bujang. Lokasi yang strategik ini mampu menarik lebih ramai pelancong untuk datang ke Lembah Bujang di mana daya penarik yang terdapat di Lembah Bujang perlu dikenangkan kepada para pelancong luar khasnya.

Daripada segi sejarah, pelbagai penemuan artifak yang bernilai ditemui di tapak-tapak di sekitar Lembah Bujang terutamanya tapak tinggalan Kota Kuala Muda, tapak Pengkalan Bujang, dan tapak arkeologi Sungai Mas. Tapak-tapak ini telah ditemui ratusan jenis seramik, manik, makara, candi, arca dan pelbagai lagi artifak penting yang telah dipamerkan kepada orang ramai di Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Peninggalan sejarah ini dengan jelas membuktikan penempatan tamadun awal telah wujud di utara Semenanjung Malaysia seawal abad ke-3 Masihi lagi.

Selain itu, keadaan fizikal bentuk muka bumi di kawasan Lembah Bujang yang menarik meliputi kawasan gunung ganang, hutan, sungai, paya bakau, sawah padi dan kawasan pantai merupakan aset semulajadi daripada segi faktor alam yang mendamaikan dan memberi satu kelebihan kepada Lembah Bujang untuk melengkapkan nilai arkeopelancongan yang bernilai tinggi berteraskan warisan, alam semulajadi, serta nilai kemasyaratian yang tinggi.

### Pengekalan dan pengembalian semula tapak warisan Lembah Bujang

Di Lembah Bujang, puluhan tapak arkeologi yang ditemui terdiri daripada tapak candi yang ditinggalkan. Hampir kesemua tapak yang di temui berada dalam keadaan rosak dan tidak dijaga. Hanya tapak di sekitar kawasan muzium sahaja yang dipelihara dengan baik dan dijaga oleh pihak muzium dan tapak yang baru ditemui di Sungai Batu. Namun, masih banyak tapak yang hilang disebabkan oleh pembangunan di Lembah Bujang di mana peningkatan jumlah pembinaan rumah yang semakin ketara sehingga menyebabkan ada tapak candi yang terpaksa dihapuskan untuk pembangunan kawasan sekitar. Sebaliknya sekiranya kajian dan ekskavasi dilakukan secara terancang dan menyeluruh, pengekalan dan pengembalian semula warisan Lembah Bujang dapat dilakukan. Hal ini haruslah dirangka dengan menubuhkan jawatankuasa warisan melalui sistem pemetaan kawasan arkeologi di sekitar Lembah Bujang dengan lebih efisyen.

Tapak-tapak arkeologi ini mempunyai nilai sejarahnya yang tinggi di mana tapak-tapak ini dapat mendedahkan kita dengan tinggalan nenek moyang kita mengenai cara hidup masyarakat prasejarah di Malaysia secara keseluruhannya iaitu samada melibatkan zaman Paleolitik, Neolitik, Zaman Logam dan Protosejarah. Tapak-tapak yang ditemui telah digunakan oleh masyarakat prasejarah sebagai tempat tinggal, khemah sementara, pengbumian, atau bengkel pembuatan alat batu (Chia 2011).

Satu rangka kaedah pengembalian semula haruslah diwujudkan di sekitar Lembah Bujang untuk menarik minat para pelancong mengalami sendiri era ketamadunan Lembah Bujang suatu ketika dahulu. Perkampungan budaya yang berasaskan nilai warisan sejarah haruslah diwujudkan selari dengan arkeopelancangan di Lembah Bujang. Penyusunan kawasan arkeologi secara tersusun yang melibatkan tapak candi haruslah digazetkan oleh pihak kerajaan untuk mewujudkan arkeopelancongan warisan dan budaya yang lebih bersistematik berteraskan kehendak generasi akan datang untuk menambah nilai aset warisan yang sedia ada.

Di Malaysia terdapat beberapa kawasan yang telah dibangunkan sebagai kawasan pelancongan warisan di mana pengekalan tapak arkeologi dan warisan secara semulajadi berjaya menarik minat peningkatan kedatangan para pelancong saban tahun ke kawasan tersebut. Contohnya, Gua Niah di Sarawak, Lembah Lenggong di Perak, Bukit Tengkorak di Sabah dan banyak lagi. Sebaliknya Lembah Bujang yang dikaji sejak tahun 1840-an oleh pengkaji luar dan tempatan hanya dijadikan kawasan untuk lawatan singkat para pelancong sahaja.

### **Pemuliharaan dan penjagaan ke atas tapak arkeologi di Lembah Bujang**

Pengekalan tapak arkeologi di sekitar kawasan Lembah Bujang haruslah dirangka dengan melibatkan pakar dalam bidang tersebut. Pendekatan atau kaedah pemuliharaan tapak arkeologi melalui pendekatan pemuliharaan merupakan salah satu langkah untuk melindungi warisan arkeologi Lembah Bujang daripada sebarang kerosakan secara menyeluruh. Beberapa pendekatan pemuliharaan ke atas tapak haruslah dirangka dan di kaji oleh pihak berwajib secara mutlak untuk menjadikan kawasan Lembah Bujang sebagai kawasan arkeopelancongan negara.

Keperluan untuk melakukan kerja-kerja pemuliharaan ke atas tapak arkeologi haruslah dilakukan secara berterusan dan tersusun di mana tapak arkeologi yang lama dan baru di beri pendekatan dan kaedah penjagaan yang samarata oleh pihak yang di lantik secara berkala dan berterusan. Hal ini kerana, melalui kaedah pemuliharaan tapak arkeologi di Lembah Bujang ini maka nilai warisan sedia ada dapat dikekalkan untuk arkeopelancongan yang dimiliki oleh tapak arkeologi tersebut untuk tatapan umum dan masa hadapan.

Tanpa pengawasan dan penjagaan ke atas tapak arkeologi yang lama mahupun baru, adalah mustahil bagi kawasan Lembah Bujang yang kaya dengan tinggalan warisan arkeologi untuk terus bertahan dan berfungsi pada masa akan datang. Dalam erti kata yang lain, penjagaan ke atas tapak arkeologi secara menyeluruh bergantung kepada tahap penjagaan dan usaha pemuliharaan yang di lakukan. Sekiranya penjagaan dan pemuliharaan di lakukan secara proaktif dan berterusan maka nilai warisan sedia ada di Lembah Bujang dapat dipelihara untuk merancakkan lagi era Lembah Bujang sebagai arkeopelancongan negara.

### **Kepentingan penjagaan ke atas tapak-tapak arkeologi Lembah Bujang**

Kepentingan penjagaan ke atas tapak arkeologi warisan Lembah Bujang memberi banyak manfaat dalam kesinambungan untuk tatapan generasi akan datang. Sebaliknya sekiranya kepentingan penjagaan ini dipandang ringan, maka tapak warisan arkeologi Lembah Bujang berkemungkinan akan berhadapan dengan isu dan masalah yang berlarutan. Antara kepentingan penjagaan tapak warisan ini adalah untuk meningkatkan tahap ketahanan tapak tersebut untuk jangka masa yang panjang. Malahan jangka hayat sesuatu tapak warisan dapat memberi nilai perlindungan kepada nilai pelaburan yang sedia ada.

Selain itu, penjagaan ini juga penting dalam mengurangkan kos serta menjauhkan gangguan kepada tapak warisan oleh anasir luar akibat daripada vandalisme oleh pihak tertentu. Sebagai harta warisan negara, penjagaan berkala penting dalam mengekalkan kelestarian tapak warisan arkeologi Lembah Bujang dan secara tidak langsung dapat memberi keharmonian persekitaran kerana aktiviti

ini tidak melibatkan kerosakan kawasan sekitar sebaliknya memberi keseimbangan kepada penjagaan tapak arkeologi yang lama dan baru.

Dengan adanya penjagaan ke atas tapak-tapak warisan arkeologi yang baru dan lama di Lembah Bujang, keadaan ini dijamin akan dapat menaikan lagi nilai arkeopelancongan warisan di Lembah Bujang ini dan turut menarik minat para pelancong untuk mendalami dengan lebih dekat nilai arkeologi warisan Lembah Bujang.

### **Isu, dilema, cabaran dan permasalahan**

Aktiviti arkeologi mungkin merupakan satu aktiviti yang kurang popular bagi sesetengah masyarakat jika dibandingkan dengan nilai pekerjaan yang lain. Namun, pendedahan secara menyeluruh untuk menarik minat orang ramai untuk mendalami nilai arkeologi di sekitar Lembah Bujang dapat membantu mengubah minda dan persepsi orang ramai mengenai usaha yang berterusan oleh pihak kerajaan untuk menarik minat kedatangan para pelancongan ke Lembah Bujang dengan menyediakan pelbagai prasarana untuk kemudahan masyarakat setempat dan para pelancong khasnya.

Namun begitu, langkah-langkah yang diambil haruslah menunjukkan kesungguhan untuk menaikkan Lembah Bujang sebagai kawasan arkeopelancongan sehingga ke peringkat global. Pengurusan yang dipertanggungjawabkan haruslah melakukan tugas dengan telus dan amanah demi menjaga warisan negara untuk tatapan generasi akan datang. Pengurusan yang dipertanggungjawabkan juga tidak dapat lari daripada berhadapan dengan pelbagai isu, dilema serta cabaran dalam menguruskan warisan yang tidak ternilai harganya.

Selain itu, masalah fizikal dankekangan kewangan menyebabkan banyak projek untuk menaikkan kawasan Lembah Bujang sebagai kawasan arkeopelancongan negara tertangguh. Sebaliknya sesetengah pihak hanya akan bertindak apabila sesuatu kerosakan itu sudah berlaku seperti tertimbasnya tapak candi disebabkan pembangunan kawasan sekitar. Dalam erti kata yang mudah, tidak ada sebarang tindakan undang-undang untuk membawa pihak yang terlibat sehingga kemusnahan berlaku saban hari.

Malahan terdapat justifikasi daripada sesetengah pihak yang menyatakan bahawa usaha untuk menaikkan nilai arkeopelancongan di Lembah Bujang hanyalah sia-sia dan tidak membawa sebarang faedah dan manfaat untuk orang ramai. Sikap ini dipercayai dipengaruhi oleh keadaan semasa di mana pelaburan untuk projek arkeopelancongan tidak memberi nilai yang tinggi berbanding dengan projek untuk menaikan kawasan perumahan di Lembah Bujang.

Kos jangka panjang yang diperlukan untuk menampung pihak pengurusan penjagaan tapak warisan memerlukan kos yang tinggi kerana ianya melibatkan jangka masa panjang dan berterusan serta tidak mudah untuk diuruskan secara teratur dan bersistematis. Malahan masyarakat kita masih di tahap sederhana dalam usaha untuk menjaga nilai warisan negara.

Selain itu, boleh dikatakan tidak terdapat sebarang panduan dan sumber rujukan utama yang spesifik untuk mendorong dan menggalakkan amalan penjagaan pemuliharaan tapak warisan arkeologi di Malaysia. Masih banyak prosedur penjagaan dan pemuliharaan yang tidak seragam melibatkan tapak warisan arkeologi di Malaysia.

Aktiviti untuk merancakkan lagi nilai arkeopelancongan warisan di Lembah Bujang secara keseluruhan melibatkan banyak pihak sama ada yang berurusan secara langsung mahupun tidak langsung. Bagi pihak pengurusan sememangnya berhadapan dengan pelbagai dilema yang datang daripada pelbagai sudut terutama yang melibatkan faktor kewangan. Bagi sesetengah pihak usaha ini memberi kesan yang positif dan sebahagian yang lain menilai dari sudut yang negatif. Lazimnya, segala masalah dan isu yang timbul dalam usaha untuk menaikkan nilai arkeopelancongan warisan di Lembah Bujang akan menimbulkan dilema serta cabaran bagi pihak-pihak yang terlibat. Kerja keras dan usaha berterusan dalam menangani masalah yang timbul adalah sangat diperlukan bagi

memastikan masalah dan halangan-halangan tidak lagi menjadi alasan kepada pihak tertentu untuk menjadikan Lembah Bujang sebagai kawasan arkeopelancongan warisan negara.

Jadual 1. Cara meningkatkan potensi Lembah Bujang sebagai pusat arkeopelancongan.

Cara tingkatkan potensi Lembah Bujang	Frekuensi	Peratus
a) Meningkatkan promosi di peringkat domestik dan antarabangsa.	59	65.6
b) Menjalankan lebih banyak usahasama dengan pihak-pihak lain.	38	42.2
c) Menambah baik infrastruktur (penginapan, makanan, komunikasi dan lain-lain).	65	72.2
d) Memperbanyak aktiviti yang menarik di sini.	57	63.3
e) Menyediakan pengangkutan awam dan capaian pengangkutan yang lebih baik.	48	53.3

Merujuk kepada Jadual 1, terdapat beberapa cara untuk meningkatkan potensi Lembah Bujang sebagai pusat arkeopelancongan. Hasil analisis mendapati bahawa sejumlah 72.2% responden menyatakan bahawa perlu menambahbaik infrastruktur (penginapan, makanan, komunikasi dan lain-lain) di Lembah Bujang. Seterusnya perlu meningkatkan promosi diperingkat domestik dan antarabangsa (65.6%) serta memperbanyak aktiviti yang menarik di sini (63.3%).

Jadual 2. Rangkaian pemasaran dan sumber maklumat.

Rangkaian pemasaran dan sumber maklumat	Peratus		
	Tidak Setuju	Tidak pasti	Setuju
1) Promosi arkeopelancongan Lembah Bujang kurang di media massa	13.3	15.6	71.1
2) Tidak terdapat tarikan istimewa yang mampu menarik perhatian pelancong ke Lembah Bujang	37.8	17.8	44.4
3) Papan-papan iklan promosi arkeopelancongan di Lembah Bujang mencukupi	22.2	36.7	41.1
4) Terdapat pelbagai pakej arkeopelancongan yang ditawarkan di Lembah Bujang	17.8	45.6	36.6
5) Anda sering mendapat hebatan mengenai arkeopelancongan di Lembah Bujang	25.6	38.9	35.5
6) Terdapat banyak agensi yang menawarkan perkhidmatan ke Lembah Bujang	22.2	45.6	32.2

Jadual 2 menunjukkan pandangan responden terhadap rangkaian pemasaran dan sumber maklumat bagi pelancongan di Lembah Bujang. Peratusan responden paling tinggi bersetuju bahawa promosi arkeopelancongan di Lembah Bujang kurang di media massa dengan 71.1%. Sejumlah 45.6% responden tidak pasti sekiranya terdapat banyak agensi yang menawarkan perkhidmatan ke Lembah Bujang dan sekiranya terdapat pelbagai pakej arkeopelancongan yang ditawarkan di Lembah Bujang. Ini menunjukkan bahawa maklumat tentang Lembah Bujang tidak sampai sepenuhnya dan jelas kepada masyarakat umum. Sejumlah 44.4% responden setuju bahawa tidak terdapat tarikan istimewa yang mampu menarik perhatian pelancong ke Lembah Bujang. Keadaan ini berlaku kerana kurangnya pendedahan secara menyeluruh kepada para pelancong mengenai daya tarikan di Lembah Bujang di media cetak maupun media elektronik.

## Kesimpulan

Tidak dapat dinafikan bahawa kaedah terbaik dalam melindungi khazanah warisan negara untuk menjadikan Lembah Bujang sebagai arkeopelancongan warisan negara adalah melalui pendekatan penjagaan pemuliharaan kawasan arkeologi secara bersistematis. Kajian yang telah

dijalankan ini dapat merumuskan bahawa lokasi-lokasi pelancongan di Lembah Bujang mempunyai potensi yang tinggi. Pihak-pihak yang berkepentingan perlu saling bergandingan bagi memastikan usaha-usaha menarik lebih ramai pelancong ke Lembah Bujang membawa hasil.

Walau bagaimanapun, terdapat halangan-halangan yang menjadi isu dan dilema dalam melakukan sesuatu yang bernilai kepada negara untuk dilaksanakannya. Namun, masalah ini tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak menjadikan nilai warisan negara seperti Lembah Bujang terus diabaikan. Cabaran yang datang haruslah diselesaikan oleh pihak-pihak yang berwajib dalam menaahut cabaran untuk menjadikan Lembah Bujang sebagai kawasan arkeologi pelancongan bertaraf dunia untuk tatapan generasi akan datang.

### **Penghargaan**

Kajian ini dijalankan dengan bantuan Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) 2014-0101-106-02). Penyelidikan ingin mengucapkan terima kasih kepada MOE dan UPSI yang menyediakan dana penyelidikan dan pihak yang terlibat dalam penyelidikan ini.

### **Rujukan**

- Affifuddin Omar. 2009. Pembangunan warisan kerajaan Melayu Lembah Bujang. *Prosiding Seminar Pembangunan Warisan Kerajaan Melayu Lembah Bujang*, 31 March- 1 April, Kedah.
- Chia, Stephen. 2011. *Pemelibaraan Dan Pemelibaraan Warisan Arkeologi Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia
- Cohen B.J & Orbuch.T .1990. *Introduction to Sociology*. Singapore: Mc Graw-Hill.
- Gay, L.R. .1996. *Educational research: Competencies for analysis and application*. Ed. ke-5. New Jersey: Merrill Prentice-Hall.
- Jamaluddin Md. Jahi. 2009. Pengaruh Persekutaran Fizikal Terhadap Penempatan dan Tapak Arkeologi Lembah Bujang dan Sekitarnya. *Prosiding Seminar Pembangunan Warisan Kerajaan Melayu Lembah Bujang*. 31 March - 1 April, Kedah.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 2009. Penemuan Arkeologi dan Cabaran untuk Memperkasakan Penyelidikan Warisan Lembah Bujang. *Prosiding Seminar Pembangunan Warisan Kerajaan Melayu Lembah Bujang*. 31 March- 1 April, Kedah.
- Saidatulakmal Mohd, Azlinda Azman dan Jamalludin Sulaiman. 2011. *Kelestarian Warisan Negara*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Wan Salleh Wan Ibrahim. 2007. Bujang Valley: A Case for Development of an Archeology Park for Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Rupabandar Malaysia*. Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Universiti Teknologi MARA, Perak, 28-29 November.
- Wan Shamsudin Mohd Yusof. 1992. *Sejarah kedah Darul Aman Sepanjang Zaman*. Kedah: Lembaga Muzium Negeri Kedah Darul Aman.

Farhana Abdullah  
Fakulti Sains Kemanusiaan,  
UPSI, Tanjong Malim, Perak  
Email: anahana\_33@yahoo.com

Adnan Jusoh, Phd.  
Fakulti Sains Kemanusiaan,  
UPSI, Tanjong Malim, Perak  
Email: adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my

Nasir Nayan, Phd.  
Fakulti Sains Kemanusiaan,  
UPSI, Tanjong Malim, Perak  
Email: nasir@fsk.upsi.edu.my

Zuliskandar Ramli, Phd.  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
Bangi, Selangor.  
Email: ziskandar2109@gmail.com